

Headline	TNB ambil alih 50 peratus kepentingan dalam Vortex Solar UK		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	686 cm ²	Journalist	NULL
PR Value	RM 41,048		



TNB ambil alih 50% kepentingan dalam Vortex Solar UK

■ KUALA LUMPUR 6 JAN.

ANAK syarikat Tenaga Nasional Bhd. (TNB), TNB International Sdn. Bhd., mengambil alih 50 peratus kepentingan ekuiti dalam Vortex Solar Investments Sarl (Vortex Solar) membabitkan 86 juta pound (RM477 juta).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, TNB memaklumkan, pengambilalihan itu membabitkan operasi portfolio 365 medium-voltan (MV) solar fotovoltaik (PV) di Great Britain.

Menurut TNB, pihak yang terlibat dalam perjanjian langganan dan pembiayaan, yang akan melanggan saham ekuiti baharu dalam Vortex Solar ialah Beaufort Investments Sarl (Beaufort), anak syarikat milik penuh EFG Hermes Holding.

Jelasnya, Beaufort menubuhkan Vortex Solar bagi membiayai sebahagian pengambilalihan oleh Vortex Solar UK Ltd. (Vortex Solar UK), anak syarikat milik penuh tidak langsung Vortex Solar, ke atas semua saham TerraForm UK 2 Intermediate Holdings Ltd. dan TerraForm UK 3 Intermediate Holdings Ltd. (bersama 'Target') dan menebus nota pinjaman yang diberikan kepada Target.



Target memegang kepentingan tertentu dalam syarikat projek solar PV yang memiliki dan mengurus operasi projek-projek solar PV di United Kingdom dengan kapasiti gabungan pemasangan bersih kira-kira 365 megawatt (mW).

Menurut syarikat utiliti itu, Vortex Solar UK hari ini menandatangani perjanjian jual beli bersyarat dengan pemilik langsung Target, SunEdison Yieldco UK Holdco 2, LLC, bagi mengambil alih secara langsung atau menerusi anak syarikat milik penuhnya kesemua saham dan menebus nota pinjaman yang diberikan kepada Target (perjanjian jual beli).

Serentak itu juga, menerusi pelaksanaan perjanjian jual beli itu, Beaufort dan Vortex Solar menandatangani perjanjian pelaburan dan pengurusan aset (IAMA) membabitkan pengurusan Target dan portfolionya.

TNB juga mengumumkan ia telah memeterai perjanjian pemegangan saham hari ini dengan Beaufort dan Vortex Solar

Beaufort tubuhkan Vortex Solar bagi biayai sebahagian pengambilalihan.

Pihak terlibat dalam perjanjian langganan, pembiayaan ialah Beaufort Investments Sarl.

Pengambilalihan bernilai **RM447 juta.**

TNB meterai perjanjian pemegangan saham dengan Beaufort, Vortex Solar.

Target memegang kepentingan tertentu dalam syarikat projek solar PV yang memiliki dan mengurus operasi projek-projek solar PV di United Kingdom dengan kapasiti gabungan pemasangan bersih kira-kira 365 megawatt (mW).

TNB

untuk mengawal selia hubungan antara satu sama lain berkaitan Vortex Solar.

Transaksi itu dijangkakan selesai menjelang suku ketiga 2017 dan menyediakannya dengan pendapatan segera. - BERNAMA

Transaksi dijangka selesai suku ketiga 2017.